

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN
NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**
TARIKH : **25.5.2016**
SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan seperti menyediakan kemudahan infrastruktur dan peralatan fizikal kolej vokasional, latihan dan kenaikan gred tenaga pengajar dalam usaha Kerajaan menaikkan taraf kolej-kolej vokasional ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat beberapa peringkat penambahbaikan dilakukan dalam pendidikan teknik dan vokasional sebelum transformasional pendidikan vokasional mula diperkenalkan. Pada awalnya, usaha menaik taraf kemudahan infrastruktur dari Sekolah Menengah Teknik (SMT) kepada Sekolah Menengah Vokasional (SMV) dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) melibatkan peruntukan sebanyak RM155 juta manakala untuk peralatan pula berjumlah RM32.9 juta. Sehingga kini, sejumlah RM14.224 juta telah diperuntukkan bagi tujuan latihan guru kolej vokasional. Transformasional SMV kepada kolej vokasional masih terus dilaksanakan seperti mana yang telah diluluskan dalam RMKe-11.

Bagi tujuan latihan guru kolej vokasional sehingga kini menerima sebanyak RM 14.224 juta dari peruntukan RMKe-10. Transformasi SMV kepada Kolej Vokasional (KV) yang dalam proses pelaksanaan telah diluluskan melalui RMKe-11.